



قائمتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

JUN 28 BILANGAN 37

RABU 14 SEPTEMBER, 1983.

1403 رابو 6 ذوالحجّة

PERCUMA

kekurangan tenaga mahir, separuh mahir

CABARAN BESAR YANG DIHADAPI

BANDAR SERI BEGA-

W. — Kekurangan tenaga mahir dan separuh mahir merupakan salah satu cabaran besar yang dihadapi oleh negara ini dalam menentusahkan pembangunan pem-

Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di majlis kesyukuran persembahan Persatuan Penuntut-penuntut Brunei Di United Kingdom di Dewan

Oleh: Abdul Karim Haji Abu Bakar

Persantapan Lapau malam Rabu lepas, menekankan tenaga-tenaga yang diperlukan itu terpaksa didatangkan dari luar sebagai langkah sementara.

Walau bagaimanapun titah Baginda, adalah menjadi hasrat dan matlamat Kerajaan Baginda supaya negara ini tidak akan banyak bergantung kepada sumber tenaga sedemikian.

"Oleh itu adalah amat mustahak bagi penuntut-penuntut, baik yang masih menuntut di Brunei mahupun yang berada di United Kingdom dan negara-negara lain untuk menyahut cabaran ini dengan belajar bersungguh-sungguh dan mengemaskan diri dengan ilmu pengetahuan yang berguna yang diredai Allah yakni pada memilih bidang pengajian dan ilmu pengetahuan yang benar-benar diperlukan oleh negara kita pada memenuhi kehendak tenaga manusia yang berkekurangan itu semata-mata untuk kemajuan dan kesejahteraan negara serta rakyat, penduduk dan segala isi di dalamnya," titah Baginda.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerima junjung ziarah dari salah seorang ketua kampung.

didapati menangkap ikan secara haram

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perikanan telah didapati empat orang nelayan menangkap ikan secara haram menggunakan alat yang tidak dibenarkan. Tindakan tertentu telah diambil terhadap mereka.

Sejenis pukat yang ditarik dengan perahu menggunakan alat-alat yang tidak dibenarkan, dan di sungai-sungai, Perikanan mengambil perhatian berat dalam hal ini oleh beberapa perkara.

penangkapan seperti ini mendatangkan pertelingkahan antara nelayan. Penangkap-penangkap ikan menggunakan alat-alat yang tidak dibenarkan seperti kilong, andang dan sebagainya. Alat-alat ini banyak men-

datangkan kerosakan terutama sekali kepada tempat-tempat pembiakan ikan atau udang-udang dan dengan ini akan menjejaskan dan memusnahkan sumber-sumber perikanan negara ini.

Jabatan ini juga mendapat perhatian dari segi bilangan nelayan lain masih menggunakannya. Dengan ini Jabatan Perikanan ingin mengingatkan orang ramai bahawa perbuatan seperti ini adalah menyalahi Undang-Undang Perikanan 1972 dan Peraturan-Peraturan Perikanan 1973.

Bab 10 (1) Undang-Undang Perikanan 1972 tersebut ada menyatakan, sesiapa yang didapati thabit kesalahannya, sekiranya tidak ada sebarang hukuman khas yang dipersyaratkan, hukuman denda yang tidak melebihi seribu ringgit atau penjara yang tidak lebih dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Dalam pada itu seseorang majistret juga boleh memerintahkan perampasan mana-mana kapal, kenderaan, alat atau pekakas yang digunakan pada melakukan sebarang kesalahan berkenaan.

Dengan ini jabatan tersebut sekali lagi mengingatkan orang ramai supaya mematuhi Undang-Undang Perikanan 1972 dan Peraturan-Peraturan Perikanan 1973 yang telah dinyatakan di atas. Jabatan itu juga sentiasa mengawasi dan mengambil perhatian terhadap penangkapan-penangkapan ikan dan lain-lain yang berkaitan di negara ini dan akan mengambil tindakan-tindakan yang wajar mengikut Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan yang ada untuk melindungi hak nelayan-nelayan dan juga sumber-sumber perikanan negara supaya kepentingan seluruh rakyat dan penduduk negara ini dapat terjamin.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika menerima ziarah dari salah seorang penuntut Brunei di U.K.

Penuntut-penuntut Brunei di seberang laut, Baginda menasihatkan supaya sentiasa berwaspada menjaga nama baik Negara Brunei Darussalam dengan memper-tahankan dan memelihara identiti keBruneian serta mengamalkan ajaran-ajaran agama Islam seperti yang diamalkan di negara ini.

"Dengan itu insya-Allah, Negara Brunei akan berbangga dan beruntung pada mempunyai penuntut-penuntutnya yang tidak sahaja terpelajar dan berpengetahuan tinggi tetapi juga mengamalkan cara hidup keBruneian yang bersopan santun dan mempunyai tingkah laku dan keolahan yang sempurna lagi majlis," titah Baginda lagi.

Berhubung dengan penuntut-penuntut Brunei yang menuntut di United Kingdom, Baginda merasa sungguh gembira bilangan mereka semakin bertambah, dan pada bilangan tahun ini mereka yang berjaya memperoleh kelulusan di berbagai bidang juga telah semakin meningkat.

Kepada mereka yang telah lulus, Baginda mengucapkan tahniah, sementara kepada penuntut yang masih dalam pengajian, Baginda menasihatkan agar menumpukan sepenuh perhatian terhadap pengajian mereka.

Baginda seterusnya juga menasihatkan mereka supaya mempergunakan dengan sebaik-baiknya peluang yang diberikan kepada mereka un-

Rundingan tubuh wakil di Filipina

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam akan menghantar satu rombongan pendahuluan terdiri daripada empat orang pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, bagi membuat urusan-urusan rasmi persediaan asas bagi penubuhan perwakilan kerajaan di Manila, Filipina.

Rombongan tersebut akan diketuai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Anak Puteh Ibni Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Muda Haji Mohd Alam dan beserta tiga orang pegawai Diplomatik.

Semasa berada di Manila selama satu minggu, pegawai-pegawai tersebut ini akan membuat perundingan dengan pegawai-pegawai di Kementerian Luar Filipina.

MANISNYA IMAN

"YA ALLAH! Ampunkanlah aku. Sesungguhnya Engkau maha pengampun lagi pemurah." — HADIS Nabi riwayat At-Tabrani daripada Abu Said.

(Lihat muka 16)



Pelita Brunei
AKHABER RASMI KERAJAAN BRUNEI DARUSSALAM

14 SEPTEMBER, 1983

*Dengan nama Allah yang
 pemurah dan maha penyayang*

TENAGA MAHIR DAN SEPARUH MAHIR:

MEMBATASKAN HAK PERGANTUNGAN

SALAH satu cabaran yang besar dihadapi oleh kita ialah pada mengadakan tenaga profesional dan separuh profesional bagi memenuhi keperluan pembangunan.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini mengenai cabaran tersebut sepatutnya akan boleh menyedarkan kita akan kedudukan sebenar di mana pada peringkat ini kita bergantung kepada tenaga sedemikian itu dari luar negeri. Untungnya, dalam kedudukan itu kita mempunyai matlamat tidak akan banyak bergantung kepada tenaga luar. Titah Baginda amat jelas dan tegas bahawa penggunaan tenaga mahir dan separuh mahir dari luar negeri itu adalah sebagai langkah sementara yang tidak dapat dielakkan demi untuk menjayakan beberapa rancangan pembangunan.

Biasanya dalam kita menyebut cabaran kekurangan tenaga berkemahiran kita akan menunjukan seruan kepada penuntut-penuntut. Sememangnya merekalah sasaran dan bahkan sandaran kita untuk memenuhi matlamat mengurangkan pergantungan kepada tenaga asing pada masa-masa akan datang. Selama ini kita percaya penuntut-penuntut kita telah didedahkan kepada matlamat tersebut. Se-

jauh mana pendedahan itu mencukupi atau sebaliknya tentu dapat diperbaiki.

Yang sudah jelas seperti yang disebutkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah Baginda di Majlis Kesyukuran hari keputeraan oleh penuntut-penuntut Brunei di United Kingdom itu ialah Kerajaan sememangnya menggalakkan anak-anak Brunei supaya mendapatkan ilmu pengetahuan yang setinggi-tingginya. Dengan kelulusan yang tinggi kerajaan menghendaki mereka supaya dapat membuat kerja yang akan mengeluarkan penghasilan yang lebih berkesan lagi.

Mengenai anak-anak kita yang berkelulusan, alhamdulillah bilangan mereka itu semakin bertambah dari setahun ke setahun. Tetapi kerana bidang keperluan tenaga mahir dan separuh mahir itu sangat luas dan banyak maka bilangan anak-anak kita yang lulus dari berbagai-bagai jurusan pengajian masih tidak mencukupi.

Sungguhpun demikian hendaknya kekurangan ini tidak dijadikan alasan oleh pihak-pihak dalam sektor yang bukan

kerajaan untuk membiarkan tenaga mengambil tenaga luar. Kita harus memberi perhatian kepada tempatan yang terdiri daripada negeri. Sebab ada anak-negeri yang mempunyai kelulusan dalam bidang tertentu yang sepatutnya boleh mengisi sektor yang bukan kerajaan. Kita juga halnya perhatian untuk membuka peluang-peluang untuk masuklah memberikan latihan kepada anak negeri. Mungkin dengan pihak-pihak Kerajaan ada — boleh diwujudkan. Yang ialah usaha memahirkan dan meningkatkan bilangan anak-anak kita berkemahiran mestilah dipikul oleh semua pihak yang berkenaan semata-mata dibebankan kepada kerajaan.

Dengan usaha bersama-sama kita percaya bukan saja dapat mengurangkan pergantungan tenaga-tenaga mahir dan separuh mahir dari luar negeri bahkan akan meningkatkan negara ini dibanjiri oleh tenaga sedemikian itu yang mana akan berlawanan dengan hasrat kerajaan.



KETUA pasukan penari Persatuan PEMBELA (gambar kiri) menerima hadiah rebutan dari Awang Haji Puasa bin Tudin dan gambar kanan Dk Zubaidah Pg Haji Ahmad, pemenang Pameran Masakan dan Hasil Kerja Tangan Wanita anjuran PERTIWI, W.I. Brunei Cawangan Belait dan Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait. Selain menerima hadiah rebutan, beliau juga menerima hadiah tiket penerbangan ke Kota Kinabalu sumbangan Restoran Serikandi Belait.



Ahli2 Kelab Dikir MPSHB melawat Bahagian Penerangan

SERAMAI tujuh orang ahli Kelab Dikir Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong dan dua orang pensyarah mereka telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Bahagian Penerangan, pada petang Rabu lepas.

Rombongan itu telah diberikan taklimat ringkas mengenai Struktur Pentadbiran dan Fungsi Bahagian Penerangan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Bahagian Unit Taklimat, Awang Yusof Ladi.

Mereka kemudiannya telah dibawa meninjau dan memerhati lebih dekat ke Unit Akhbar dan Bilik Penggambaran dengan diberikan penerangan oleh pegawai-pegawai di bahagian-bahagian tersebut.

Sebelum mengakhiri lawatan, mereka telah berkesempatan beramah mesra dengan Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman dan pegawai-pegawai kanan beliau. — AKHAB.

PEMBELA JOHAN TARIAN ASLI MBBDB

KUALA BELAIT. — Dengan mendapat markah 84 peratus, Persatuan PEMBELA yang membawakan tarian Pasir Roboh, muncul sebagai johan Pertandingan Tarian Melayu Asli anjuran Majlis Belia-belia Daerah Belait tahun ini.

Naib Johan ialah Persatuan PESTA, mendapat markah 72 peratus dengan tarian Ibang-Ibang, manakala PERTIWI dengan tarian Selindang menduduki tempat ketiga.

Enam buah persatuan di Daerah Belait telah mengambil bahagian. Ianya merupakan salah satu acara terbaru sempena Puja Usia ke-37 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bagi daerah itu.

Pertandingan yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan di sini malam Ahad, 4 September lalu, juga diselenggarakan dengan upacara penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan-pertandingan pada Malam Aneka Warna yang diadakan di padang kecil di sini.

Antara pertandingan yang dilangsungkan pada malam Aneka Warna termasuklah Pertandingan Lagu Enam Puluh, Lagu-lagu Melayu Asli, Pertandingan Fesyen Pakaian, Bakat Lama, Bintang Kecil, Lawak Jenaka, Bintang Keputeraan dan Pameran Masakan dan Hasil Kerja Tangan Wanita.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh tetamu kehormat, Pegawai Daerah Belait Awang Haji Puasa bin

Tudin, yang juga terdahulu dari itu telah menyampaikan ucapan khas. Juga berucap ialah Naib Awang Haji Jumat Haji Idris.

Majlis malam itu telah diserikan dengan persembahan nyanyian dari johan Pertandingan Lagu Asli '83, Bintang Bakat Lama dan Bintang Keputeraan. — AP.



PARA pelawat ketika mendengar penerangan berhubung dengan penerbitan dan pengurusan PELITA BRUNEI oleh pemangku ketua urusan Pelita Awang Mohamad bin Salim.



AWANG Taib Haji Mohd. Said, Jurujukur Tarian, menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan-pertandingan tersebut.

Lawatan
 sambil
 belajar
 ke Bahagian
 Penerangan
 Unit

BANDAR SERI
 WAN. — Semalam
 Pegawai Jurujukur
 Pusat Latihan
 Melayu Diraja
 diketuai oleh
 bin Sunggah
 mengadakan lawatan
 belajar ke Bahagian
 Penerangan pada hari Rabu.

Tujuan lawatan
 untuk mengetahui
 am jabatan dan
 menumpukan
 bahagian penerangan
 persediaan untuk
 sebuah buku
 peta bagi rekod
 gota Pasukan
 Diraja Brunei.

Semasa lawatan
 taklimat mengenai
 penerangan dan
 tugas am jabatan
 Awang Taib bin
 Said, Jurujukur
 Sementara itu
 berhubung dengan
 tugas penerangan
 paikan oleh
 Weerapara.
 taan di jabatan
 Beberapa bahagian
 jabatan, termasuk
 lawati termasuk
 tograph, Photo
 dan Reprograph.

PESTA PANTAI MERIAHKAN PERAYAAN KEPUTERAAN DI TUTONG

Oleh: Zubidah HS
Gambar: Ak. Bakar P.O.

Pesta tersebut telah dirasmikan oleh YDM Pehin Datu Harimau Padang Lt. Kolonel Datu Seri Laila Jasa Awang Haji Husin bin Awg. Ahmad, Pegawai Pemerintah Batalion Kedua AMDB.

Dalam ucapan perasmian-nya, YDM Pehin Datu Harimau Padang menegaskan



PEMBUKAAN rasmi 'Pesta Tamu Pantai' dilakukan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Harimau Padang Lt. Kolonel Datu Seri Laila Jasa Awang Haji Husin dan gambar atas memperlihatkan Yang Dimuliakan sedang mengibar rambut yang menjadi salah satu acara sukan yang dipertandingkan di pesta itu.

bahawa dalam kita menuju ke arah memaju serta mengembangkan kesejahteraan dan menambah serikan lagi negara ini, kita hendaklah sama-sama bertanggungjawab memikul dan men-


dukung apa yang telah dihasratkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Katanya, contoh yang telah diberikan ialah dengan adanya sambutan yang diadakan pada hari itu, di mana kegembiraan dan kerianan sentiasa dirasakan pada menjunjung kasih dan taat setia kepada pemimpin tertinggi negara ini.

"Maka hendaklah sikap seperti ini akan sambung-menyambung diwarisi oleh keturunan kita di masa-masa yang akan datang," ujarnya.

Menurut Yang Dimuliakan lagi, anak-anak muda atau penuntut-penuntut juga harus bersikap jujur, serta taat setia dalam berkemahuan kuat pada mempertahankan adat resam keBruneian kita yang halus lagi indah, yang mana telah diterima menjadi identiti orang-orang kita Brunei.

Lihat muka 4



Kanak-kanak pula ikut serta dalam peraduan kasut roda.



Kanaka juga tidak ketinggalan sama-sama memeriahkan suasana Pesta Tamu Pantai dengan peraduan "menuhur atap"

PANDUAN SISTEM EJAAN RUMI BARU BAHASA MELAYU

Bagian 12 : Kata Pinjaman Bahasa Inggeris

Kata pinjaman dari bahasa Inggeris dan bahasa Melayu disesuaikan ejaannya dalam bahasa Melayu menurut peraturan penyesuaian huruf seperti berikut :

5. Huruf *au* tetap menjadi *au*

Contoh :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
autocrat	autokrat
autograph	autograf
autobiography	autobiografi

6. Huruf *b* atau *bb* menjadi *b*

Contoh :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
bank	bank
barley	barli
lobby	lobi
hobby	hobi

7. Huruf *c* menjadi *s*

Contoh :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
cell	sel
cent	sen
centimeter	sentimeter
cylinder	silinder

8. Huruf *c* atau *cc* menjadi *k*

Contoh :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
critic	kritik
cabinet	kabinet
chlorine	klorin
accordion	akordion

9. Huruf *cc* menjadi *ks*

Contoh :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
accessory	aksesori
accent	aksen
vaccine	vaksin

10. Huruf *ch* menjadi *s*

Contoh :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
machine	mesin
echelon	eselon

11. Huruf *ch* atau *ck* menjadi *k*

Contoh :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
cholera	kolera
technique	teknik
hockey	hoki

12. Huruf *d* tetap menjadi *d*

Contoh :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
dividend	dividen
radar	radar
recorder	rekoder

13. Huruf *e* tetap menjadi *e*

Contoh :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
system	sistem
empire	empayar
emporium	emporium
evolution	evolusi

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
planet	planet
plagiat	plagiat
abstract	abstrak

14. Huruf *ae* tetap menjadi *ae*

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
aerostatics	aerostatik
aerial	aerial
aerograph	aerograf

15. Huruf *ae* menjadi *e*

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
aesthetics	estetika
haematite	hematit

16. Huruf *ai* tetap menjadi *ai*

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
aileron	aileron
trailer	trailer
kaiser	kaisar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tarik kalat adalah salah satu acara sempena hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, yang telah berlangsung di Padang Sekolah Menengah SMJA.

Di peringkat negara ini sebanyak lapan pasukan telah beradu kekuatan tenaga, iaitu beradu pasukan bagi bahagian berat badan 150 paun ke atas ditempatkan dalam kumpulan B. Manakala empat pasukan lagi ditempatkan dalam kumpulan A iaitu bagi berat badan 150 paun ke bawah.

Keputusan perlawanan dalam bahagian berat dalam kumpulan B, juara jatuh kepada Pasukan Daerah Brunei/Muara yang diwakili oleh Askar Melayu Diraja

Brunei dengan mendapat 6 mata. Kedua Pasukan Daerah Belait yang diwakili oleh Pasukan Polis Diraja Kuala Belait dengan memperolehi 4 mata. Tempat ketiga Daerah Tutong dengan 2 mata kemenangan. Keempat Daerah Temburong.

Dalam bahagian kumpulan A, dua pasukan telah berjaya mendapat bilangan mata yang sama, dan pihak penganjur telah memutuskan untuk diadakan tarikan ulangan. Dalam tarikan penentu ini, pasukan Daerah Brunei/Muara yang diwakili oleh Jabatan Kerja Raya telah muncul sebagai juaranya, setelah mengutip satu mata dalam perlawanan penentuan dengan menajadikan 6 mata. Kedua dimenangi oleh Pasukan Daerah Belait yang diwakili oleh Pasukan Chung Fah Heng 'A' dengan 5 mata.

Tempat ketiga Pasukan Daerah Tutong dengan memperoleh 2 mata, dan keempat Pasukan Daerah Temburong dengan tidak mendapat apa-apa mata.

Tidak ketinggalan juga ialah perlawanan antara ahli-ahli jawatankuasa daerah-daerah. Dalam perlawanan ini, jawatankuasa Daerah Tutong telah menjadi johan. Tempat kedua Daerah Brunei dan Muara, ketiga Daerah Temburong, dan keempat Daerah Belait.

Pasukan yang memenangi hadiah pusingan Piala Sultan yang dikurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei, dalam bahagian B telah dimenangi oleh Pasukan Daerah Brunei/Muara yang diwakili oleh Askar Melayu Diraja Brunei.

Terdahulu dari itu ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh pengerusi tarik kalat peringkat negara, dan ucapan serta perasmianya oleh Dato Paduka Awg. Hj. Ali bin Hj. Mohd. Daud, di mana beliau juga telah menyampaikan hadiah-hadiah kepada pasukan yang berjaya.

—AHI—



IMBANGAN tenaga disertai dengan tarikan yang sama adalah punca kejayaan. Begitulah dengan Pasukan Daerah Brunei/Muara yang menjadi johan bahagian kumpulan B dalam gambar ini.

Ketetapan harga barang2 keperluan harian

Seperti biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang didapati dijual dengan harga yang lebih sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga-harga barang yang berikut di bawah ini bermula dari 7 September 1983.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. UDANG KERING: \$8.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:
1. Syarikat Haji Abdul Rahman No. 94, Jalan Pemancha.
 2. Khim Eng Co. No. 54, Jalan Sultan.
2. LADA KERING: \$3.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:
1. A. Muthian, No. 6, Jalan McArthur.
 2. Heng Loong, No. 31, Jalan Sultan.
 3. Chai Huat Trading, No. B2, Jalan Robert.

KUALA BELAIT

1. UDANG KERING: \$9.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:
 1. Chop How Min, No. B, Chinese Chamber of Commerce.
 2. S. Saadiyah, No. 92, Jalan McKerron.
2. LADA KERING: 3.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:
 1. Koh Kee, No. 60, Jalan Pretty.
3. KACANG TANAH: \$1.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:
 1. Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
 2. Teo Hiang Hng, No. 45, Jalan Pretty..

SERIA

1. UDANG KERING: \$9.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:
1. Foo Hap Seng, No. 20 Jalan Sultan Omar Ali.
 2. Chop Kun Mee No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
 3. Hui Guan, No. 48, B, Jalan Bunga Kuning.
2. LADA KERING: \$3.40 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:
1. Yick Fatt, Lot No. 2660, Jalan Sultan Omar Ali.
3. KACANG TANAH: \$1.60 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:
1. Chin Soong Hin, No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
 2. Chop Yick Hoe, No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
 3. Chop Nam Wah, No. 64, Jalan Bunga Kenanga.
 4. Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning.



WAKIL Daerah Temburong yang diwakili oleh Persatuan Lun Bawang semasa kemenangan.

(Dari muka 3)

Selain dari itu, Pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan juga adalah pemegang amanah yang utama bagi keselamatan kelancaran jentera Kerajaan.

Karena itulah, Yang Dimuliakan itu berseru kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan supaya berkhidmat dengan jujur lagi ikhlas demi kepentingan ugama, bangsa dan tanahair di samping kita dan keluarga sama-sama menerima dan menikmati hasil-hasil perkhidmatan yang bersih dan halal itu.

Terdahulu dari itu ucapan
alu-aluan telah di sampaikan
oleh Pengerusi Pesta Tamu
Pantai 1983 bagi Daerah

Tutong iaitu Awang Alias bin
Dato Matnor.

Antara acara-acara diadakan di pesta itu termasuklah persembahan kesenian dan kebudayaan seperti persembahan pancaragam dari Sekolah Menengah Inggeris Sufri Bolkliah Tutong, persembahan tarian dari penari-penari Radio Televisyen Brunei dan persembahan Tamarok dari Persatuan Puak Jati Dusun.

Di samping persembahan-persembahan itu, acara-acara sukan seperti perlakuan kasut beroda, mengibar ram-bat, lari ikat kaki, lari dalam guni, memancing, menuhur atap, membuat penyapu lidi, mengupas kelapa tua dan main catur juga telah

diadakan pada
paginya

Sementara itu, petang, akan kesemian dan diteruskan beberapa petang seperti mainan belon, meskipun mengupas bermacam-macam.

Turut hadir
masuklah Pega
Tutong, Awang
Pehin Orang
Seri Diraja Dan
Awang Haji
Ahli Yang
Pegawai-pega
Kerajaan dan
yang lain.

☐ Hadijah

"Slate W

LONDON - Abdul Latif bin Muhammad penuntut Brunei Kingdom menghadiahkan lorekan yang berbentuk Negara Brunei kepada Sarawak di London.

Satu majlis
hadiah tem-
diadakan di
sini pada 12
Penerimaan
purnaman d-
jaan Brunei
Pengiran Haj
Marhum Peng
gung Saib
Pengiran Ha
Lorekan pun
diabadikan d-
sebagai satu
ke atas karn-
terbaik

Awang Al
berasal dari
Selatun. Setelah
Tutong Belajar
pelajaran di
Kingdom pada
atas permintaan
Kebawah Duli
Mulia. Beliau
mengambil
dalam bidang
Dimensions of
ed College of

Awang Al
menamatkan
dalam bidang
memperoleh
dengan kepujian
cemerlang
gap salah satu
di Wales. Beliau
itu beliau telah
professional
the Society
Craftsmen
yang dianggotai
The Society
Craftsmen
Kingdom.



AWANG Abdul Latif bergambar ramai dengan pegawai-pegawai kerajaan sejurus sebelum menghadihkan lorekan tersebut kepada wakil Kerajaan Brunei di London, Pengiran Haji Idris.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak
dari 14 Sept. hingga 28 Sept. 1983

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Limau Manis	14.9.1983	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Pengkalan Batu	14.9.1983	Rabu	9.45-10.45 ..
Sekolah Melayu Masin	14.9.1983	Rabu	11.00-12.00 T/Hari
Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan	26.9.1983	Isnin	1.45- 2.45 petang
Sekolah Melayu Haji Mohd Salleh Sungai Hancing	26.9.1983	Isnin	3.00- 4.00 ..
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah)	27.9.1983	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Melayu Anggerik Desa	27.9.1983	Selasa	10.30-11.30 ..
Sekolah Agama Haji Mohd Jafaar, Kampung Kiulap	27.9.1983	Selasa	2.45- 3.15 petang
Di hadapan Rumah Penghulu Mukim Gadong, Kampung Beribi	27.9.1983	Selasa	3.35- 4.00 ..
Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong	27.9.1983	Selasa	4.30- 5.30 ..
Sekolah Melayu Limau Manis	28.9.1983	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Pengkalan Batu	28.9.1983	Rabu	9.45-10.45 ..
Sekolah Melayu Masin	28.9.1983	Rabu	11.00-12.00 T/Hari

Makluman : 16 hingga 25 September, 1983 adalah cuti penggal persekolahan, Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak ditiadakan.

SYIRIK: DOSA YANG TIDAK TERAMPUN

Marilah kita menggandakan takwa dan taat setia kita kepada Allah dengan menurut segala perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya.

Hadis Nabi menerangkan perkara yang dosa besar. Islam mengetahui dan meningkatkan lagi kewaspadaan kita supaya tetap jauh daripadanya.

SENYUMAN SUATU SEDEKAH

Oleh: Hj. Md. Nur Lubis Abd. Razak

atau wajah adalah di antara tubuh badan yang sangat. Kerana ia anugerah Taala yang penting kehidupan iaitu mata, mulut dan lain-lain yang men- wajah seseorang sempurna dan indah.

mengenal batin itu sebahagian- dilihat dari terukir di kalau ia marah, berduka gembira akan raut wajahnya atau iaitu sebagai atau gambaran apa yang dialaminya.

bagaimanapun, yang terlukis di wajah seseorang tidaklah sia-sia semanya ketika dan berpisah saudara yang dengannya, di anyu dijadikan arangan manis senyuman itu boleh mengeratkan peraudaraan.

peranan yang wajahnya itu bukan saja, dalam yang lebih ber- senyuman 'sedekah', senyuman itu suatu amal yang kelak akan pahala keba- daripada Allah bagaimana yang tentu akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah s.w.t.

untuk kita orang-orang Islam. Kerana dengan mengetahui hal itu akan dapatlah kita orang-orang Islam mengetahui dan meningkatkan lagi kewaspadaan kita supaya tetap jauh daripadanya.

SENYUMAN SUATU SEDEKAH

Oleh: Hj. Md. Nur Lubis Abd. Razak

Bingkisan minggu ini

dalam hadis Baginda yang bermaksud: "Setiap kebajikan itu adalah sedekah di antara sedekah itu termasuklah senyumanmu ketika bertemu dengan saudaramu dan engkau mengisikan air tempayanmu ke tempayan saudaramu." Riwayat Imam Ahmad dan At-Termizi dari Jabir bin Abdullah r.a.

Dalam hadis yang lain Baginda bersabda diriwayatkan oleh At-Termizi dan Ibnu Hibban dari Abi Zarr r.a. yang bermaksud:

"Senyumanmu di hadapan saudaramu itu adalah satu sedekah."

Senyuman yang dimaksudkan di sini ialah senyuman yang datang dari hati yang suci dan ikhlas, bukan senyuman yang bertujuan untuk mengejek atau menghina apatah lagi untuk menggoda seseorang, kerana senyuman sedemikian adalah dorongan syaitan.

Kesimpulannya, kita memberikan senyuman kepada seseorang itu tidaklah sia-sia di samping dapat mengembirakan hatinya, serentak dengan itu juga kita berbuat ibadah yang sudah tentu akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah s.w.t.

Mula-mula yang disebut sebagai dosa besar itu ialah menyekutukan Allah (Asy-Syirku billah). Tidak ada dosa yang lebih besar dari menyekutukan Allah. Menyekutukan Allah er-tinya menjadikan Allah berbilang-bilang ataupun menyembah yang lain selain daripada Allah seperti menyembah manusia umpama orang-orang zaman Nabi Musa Alaihissalam menyembah Firaun Laanatullah atau menyembah batu atau kayu atau matahari atau bulan atau lain-lain lagi. Semua itu adalah dosa besar yang disebut oleh Allah sebagai tidak ada ampunnya. Firman-Nya dalam Surah An-Nisa ayat 48 yang tafsirnya:

"Sesungguhnya Allah tidak mengampuni dosa seseorang jika orang itu menyekutukan-Nya. Tetapi akan mengampunkannya selain daripada itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya."

Firman-Nya lagi dalam Surah Al-Maidah ayat 72 yang tafsirnya:

"Sesungguhnya bagi orang yang menyekutukan Allah maka Allah haramkan untuknya syurga dan tempatnya ialah di dalam api neraka."

PENGHUNI NERAKA

Banyak lagi ayat Quran yang menerangkan tentang dosa dan balasan orang-orang yang menyekutukan Allah itu. Barangsiapa yang menyekutukan Allah yakni kafir dan dia mati maka tidak syak lagi dia adalah penghuni neraka. Sebagaimana juga orang Mukmin yang beriman, jika dia mati di dalam iman, dalam Husnul Khatimah maka orang itu

adalah penghuni syurga.

Demikianlah dosa syirik atau kufur itu menghumban orang-orang ke neraka secara mutlak. Ia tidak ada ampunnya walau sedikit pun. Kerana itu orang-orang yang cukup mengerti hal ini amatlah takut. Timbul dari ketakutan itu datangnya sikap berjaga-jaga untuk memelihara akidah supaya tidak rosak sehingga kita menjadilah orang Mukmin yang sejati hingga ke akhir hayat.

Akidah adalah suatu yang sensitif. Kita terpaksa mengawalnya dengan segala kesedaran kita dengan memohon dan berharap kepada Allah supaya dipelihara-Nya selalu. Akidah yang betul adalah ibarat landasan keretapi dan kita adalah keretapi itu sendiri. Cubalah bayangkan jika keretapi itu terbabas dari landasannya walaupun sebahagiannya masih di atas landasan itu namun nasibnya pasti tetap celaka.

Begitulah ibarat kita orang-orang Islam yang mengaku beriman. Jika akidah kita rosak, menyimpang dari landasannya bermakna azab Allah menunggu kita.

ROSAK

Banyak perkara atau sebab yang boleh merosakkan akidah itu. Kadang-kadang ia nyata dan kadang-kadang ada juga tidak disedari terjadinya. Kalau seseorang berkata ia tidak percayakan Allah maka itu jelas kufurnya. Atau ia menyembah makhluk seperti ada orang menyembahkan Nabi atau menyembah kayu atau batu, itu pun terang kufurnya. Begitu juga jika ia tidak percayakan perkara-perkara yang terkandung di dalam Rukun Iman, tidak percayakan Nabi atau Quran atau malaikat



atau hari akhirat, juga semua itu kufur yang nyata. Atau ia berkata: Quran itu hanya sebuah kitab tua yang tidak sesuai lagi dengan zaman, sembahyang tidak payah lima kali sehari semalam cukup sekali sahaja, zakat tidak wajib, naik haji buang masa, puasa menyakiti manusia dan lain-lain. Semua itu menunjukkan sebab-sebab yang terang menyebabkan orang terkeluar dari agama Islam tetapi di samping itu di sana terdapat juga sebab-sebab yang halus yang seakan-akan yang tidak ketara yang berhubungan dengan kerja-kerja hati secara langsung tetapi akibatnya sama sahaja boleh merosakkan akidah seperti seseorang yang reda kepada maksiat, suka kepada maksiat, turut menyokong perkara maksiat padahal dia tahu itu maksiat. Maka itu pun dikira merosakkan akidah walaupun ia sendiri tidak melakukannya.

Demikian juga orang-orang Islam yang reda kepada kufur walaupun

dia sendiri tidak melakukannya pada anggapannya namun semua itu dikira dosa besar, boleh membawa kepada kufur terkeluar daripada agama Islam. Waliyazubillahi minzalik, kerana menurut kaedah, reda kepada kufur adalah kufur. (Hal ini disebut dengan panjang lebar oleh Al-Umam Ibnu Hajar dalam kitabnya Az-Zawajir.) Sekali lagi kita sebut bahawa dosa kufur atau syirik itu tidak ada ampunnya di sisi Allah. Balasannya ialah neraka jahanam.

Kerana itu, wahai kaum Muslimin, kewajiban kita ialah menjaga akidah kita biar pasti ianya tetap terpelihara dan selamat baik dari segi perbuatan atau percakapan mahupun dalam urusan hati. Jangan sampai tersasul dan apatah lagi disenghajakan. Sebagai langkah berjaga-jaga itu elok banyakkkan istighfar dan membaca syahadat. Ingatlah Nabi s.a.w. sendiri tidak kurang dari 100 kali membaca istighfar pada tiap-tiap hari. Betapa pula kita?

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 14 September, 1983 hingga ke hari Selasa 20 September, 1983 adalah seperti di bawah ini:—

Hari	Bulan	Zuhur	Asar	Maghrib	Iyok	Imsak	Subuh	Matahari Terbit
14 Sept		12.22	3.38	6.26	7.39	4.39	4.54	6.11
15 Sept		12.21	3.37	6.25	7.38	4.39	4.54	6.10
16 Sept		12.21	3.37	6.25	7.38	4.39	4.54	6.10
17 Sept		12.21	3.37	6.25	7.38	4.39	4.54	6.10
18 Sept		12.21	3.37	6.25	7.38	4.39	4.54	6.10
19 Sept		12.21	3.37	6.25	7.38	4.39	4.54	6.10
20 Sept		12.22	3.38	6.26	7.39	4.39	4.54	6.11

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei di mulai dari pukul 12.45 minit tengah hari.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....

MAKAN UBAT MENAHAN HAID SUPAYA PUASA CUKUP SEBULAN

Siri ke-191

SAYA belum berjumpa Snas menegah dari perbuatan makan ubat kerana menahan haid. Hanya saya berjumpa nas ulama menurut kata Al-Imam Ibnu Hajar dalam kumpulan fatwanya, dalam perkara perempuan makan ubat bagi menyegerakan datang haid, maka idah perempuan itu akan habis

dengan datang haid yang disegerakan dengan makan ubat itu, begitu juga perempuan yang menyegerakan datang haid tiadalah wajib ia mengqadakan sembahyang yang ia tinggalkan dalam masa haid yang disegerakan itu

Berkata Al-Imam Ibnu Hajar dalam Syarahul Idhah: Perempuan yang menggunakan ubat maka darah haidnya terhenti atau ubat itu terhenti lalu perempuan itu mandi dan pergi tawaf, kemudian darah haid datang semula

selepas perempuan itu belayar dari Mekah, maka harus bagi perempuan itu beramal dengan salah satu dari dua qaul Al-Imam As-Shafie Radhiallahu Anhu di dalam perkara perempuan terhenti darah haidnya dari satu hari ke satu

hari, maka hari bersih itu dikira hari suci menurut qaul yang dinamakan Qaul Talfiq. Qaul Talfiq itu ditarjihkan oleh satu kumpulan ulama kita Shafieyah dan Qaul Talfiq itu bersetuju dengan Mazhab Al-Imam Al-Imam Malik dan Ahmad Ibnu Hanbal bahawa bersih pada hari berhenti

darah haid hari suci.

Menurut ini jika perempuan ubat kerana menahan haid adalah haram kerana puasa penuh dalam bulan Ramadhan demikianlah WALLAHU

AL-QURAN SEBAGAI PENAWAR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kitab suci Al-Quran bukan sahaja dapat memberikan pahala yang besar kepada siapa yang membacanya bahkan juga sebagai ubat penawar bagi setengah-setengah penyakit sama ada penyakit zahir ataupun penyakit batin.

Awang Haji Salim bin Haji Besar, Kadi Daerah Brunei dan Muara menyatakan demikian semasa berucap merasmikan pertandingan membaca Al-Quran dan menghafaz ayat-ayat lazim bagi saudara-saudara baru peringkat Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Dewan Sekolah Ugama Pengiran

Anak Puteri Masna, Batu 1½ Jalan Tutong pada hari Ahad 4 September lalu.

Katanya, bagi saudara-saudara baru mungkin belum begitu dapat merasakan kelebihan-kelebihan dan keutamaan kitab suci Al-Quran itu, akan tetapi jika saudara-saudara baru sentiasa mendampingi diri dengan Al-Quran secara mempelajarinya atau mengamalkan membacanya akan dapat merasakan kelebihan-kelebihan yang disebutkan itu.

Kerana kitab suci Al-Quran bukan seperti kitab-kitab lain yang bila dibaca

hanya akan mendatangkan keseronokan atau sekadar memberikan maklumat atau ilmu pengetahuan dalam bidang-bidang ilmu yang tertentu sahaja, tetapi Al-Quran lebih dari itu dengan hanya mendengar orang membacanya pun sudah mendatangkan pahala dan dapat menambahkan keimanan kita, jelas beliau.

Menyentuh mengenai keimanan, Awang Haji Salim mengingatkan saudara-saudara baru supaya sentiasa berusaha memelihara keimanan yang sudah menjadi pegangan mereka supaya tidak akan mudah terpengaruh dengan

unsur-unsur yang menggugat keimanan mereka yang baru itu bertolak belakang dengan kepercayaan yang

Empat orang telah terpilih mewakili daerah ke pertandingan akhir senegat diadakan pada 14 depan di Dewan Ugama Pengiran Puteri Noran dengan sambutan Hijrah 1404.

Mereka yang jaya itu bahagian Al-Quran ialah Mohd. Shari Abdullah dan Norasrina bin Bahagian menghafaz ayat lazim ialah mad Rozei bin dan Dayang Othman. Hadiah telah disampaikan Awang Haji Salim bin Haji Besar, Kadi Daerah Brunei dan Muara.

Sementara itu yang sama di daerah Tutong yang telah diadakan Ogos, dan lepas. Awang bin Abdullah bin Hajjah Zainah bin Abdullah bin daerah bahagian menghafaz Al-Quran menghafaz ayat lazim ialah Rosli bin Abdullah Dayang Nor Aminah bin

Manakala peserta yang mewakili Daerah Tutong pula ialah bahagian baca Al-Quran Saiful Ashraf bin dan Dayang Frebsellena bin manakala menghafaz ayat terdiri dari bin Abdullah bin Wadiananti bin



AWANG Haji Salim bin Haji Besar sedang menyampaikan hadiah kepada Dayang Ardinah bte Othman, johan ayat-ayat lazim bahagian perempuan.



Allahyarham Pg. Sulaiman bin Pg. Said

Seorang lagi jemaah haji meninggal

BANDAR SERI BEGAWAN. Seorang lagi jemaah haji Brunei meninggal dunia semasa berada di Medinah. Pg. Sulaiman bin Pg. Said, 64 tahun meninggal dunia pada 5 September lepas kira-kira jam 5.30 petang.

Allahyarham itu bertolak meninggalkan negara ini dengan penerbangan pertama pada 26 Ogos, lepas. Setakat ini tiga orang jemaah haji kita telah meninggal dunia di Medinah.



SEBAHAGIAN dari saudara-saudara baru yang menyertai peraduan tersebut — Gambar oleh Haji Mohamad bin Metassan.

RANCANGAN RANCANGAN RADIO

WAKTU SIARAN:

Bagian Melayu
Brunei bermula dari
6.00 pagi terus me-
lampaui jam 10.30
setiap hari.

STEREO

1. 100 kHz bagi kawasan Brunei-
Muara dan Temburong.
2. 100 kHz bagi kawasan Tutong
dan Belait.

SEDERHANA

1. 100 kHz atau 444 meter bagi
kawasan Brunei-Muara dan
Temburong.
2. 100 kHz atau 505 meter bagi
kawasan Tutong dan Belait.

HARI RABU 14 SEPTEMBER

1. 100—Taman Mekar (SU), 9.00—
Antarabangsa, 9.30—Pilihan Pen-
dengar, 10.15—Permintaan Pagi Rabu,
10.30—Lembaran Dari Awda, 11.30—
Muhsin.

2. 100 HARI: 1.30—Hiburan Paduan

3. 100: 2.00—Dunia Wanita (SU), 2.30—
Sekolah-sekolah (SU), 3.15—
Lagu-lagu tanpa nyanyian, 3.30—Hiburan
Senja, 4.04—Serbanika Hiburan (SU),
4.30—Bangsawan Di Udara (Puteri Pe-
numpang Cahaya siri terakhir), 5.00—
Untuk Awda, 5.45—Senandung Senja.

4. 100: 7.00—Belia Mewakili Zaman,
7.15—Selangan Irama, 8.15—Per-
mintaan Sukaramai, 8.45—Titian Budaya
SU, 9.00—Menyusur Pendalaman, 9.30—
Purbawara/Citrawara.

HARI KHAMIS 15 SEPTEMBER

1. 100—Pertanian (SU), 9.00—Dendang
Remaja, 9.30—Pilihan Pendengar,
10.15—Penglipur Lara, 10.30—Hiburan
Senja, 11.00—Permintaan Sukaramai.

2. 100 HARI: 1.30—Puspasari/Hiburan

3. 100: 2.00—Purbawara/Citrawara (SU),
2.30—Tetamu Radio (SU), 3.15—Hiburan
Senja, 3.30—Majalah Ugama, 4.05—
Gema Keroncong/Puspasari, 4.15—Sandiwara Ra-
ma (SU), 4.45—Untuk Awda, 5.45—
Lagu-lagu Nashiat.

4. 100: 7.00—Bacaan Surah Yassin, 7.15—
Selangan Irama, 8.15—Hiburan Ma-
lam, 8.30—Bimbingan Al-Quran, 9.00—
Hiburan Malam, 9.30—Lagu-lagu Asli.

HARI JUMAAT 16 SEPTEMBER

1. 100—Irama Dakwah, 9.30—Du-
nia Wanita, 10.15—Soalan Di Udara,
10.30—Tafsir Al-Quran, 11.00—Mutia-
ra Asli, 11.30—Bimbingan Al-Quran (SU).
2. 100 HARI: 12.00—Lagu-lagu Dak-
wah, 12.15—Bacaan Ayat-ayat Suci Al-
Quran, 12.30—Siaran Langsung Menuai-
kan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15—
Lagu-lagu Nasyid, 1.45—Lagu-lagu Instru-
mental Melayu.

3. 100: 2.00—Pertandingan Aslirama
Separuh Akhir Siri Pertama, 3.15—
Hiburan Sukan, 3.20—Hiburan Petang,
3.30—Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00—
Hiburan, 4.15—Dialog Semasa, 4.30—
Permintaan Jiran Tetangga, 5.00—Sun-
dang Khatibah Jumaat, 5.15—Untuk
Awda, 5.45—Savu dan Merdu.

4. 100: 7.00—Cerpen Dan Salukan, 8.15—
Hiburan Malam, 8.30—Pilihan Pen-
dengar, 9.00—Majalah Ugama (SU), 9.45—
Mari Berpantun (SU).

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00—6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Sinaran Wahyu
6.15 Dendang Suria
6.45 Berita
6.50 Dendang Suria
7.05 Panduan Sukan
8.15 Intisari Rancangan

TENGAH HARI

12.00—12.45 Sajian Tengah Hari
(Mempersembahkan
lagu-lagu stereo)
12.15 Mutiara Titah
1.00 Majalah Radio
siaran asal dan ulangan
(kecuali hari Khamis)

PETANG

5.45 Brunei Dalam Sejarah
6.00 Siri Mukaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsung menu-
aikan sembahyang
Fardu Maghrib dari
Masjid Omar Ali Sai-
fuddin.

MALAM

10.15 Bacaan Al-Quran
10.24 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan
Sultan.

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita-berita
8.00 pagi dalam dan
luar negeri)

10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 tengah hari (tiap-tiap hari
Jumaat)

3.00 petang
5.30 petang
8.00 malam

MENYIARKAN AZAN:

Zuhur, Asar, Maghrib
dan Isyak.

HARI SABTU 17 SEPTEMBER

PAGI: 8.30—Pelajaran Dewasa Di Udara
(SU), 9.00—Riang Ria, 9.15—Soalan
Di Udara (SU), 9.30—Hiburan Untuk
Adik-adik, 10.15—Varia Peristiwa (SU),
10.30—Rampasari, 11.30—Pilihan Pen-
dengar.

TENGAH HARI: 1.30—Lagu-lagu Dari
Filem, 1.45—Dialog Semasa.

PETANG: 2.00—Permintaan Hujung Ming-
gu, 3.15—Hiburan, 3.30—Cerpen Dan
Salukan (SU), 4.05—Mingguan Pelajar
(SU), 4.30—Mutiara Asli (SU), 5.00—
Untuk Awda, 5.45—Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00—Surat Dari London, 7.15—
Selangan Irama, 8.15—Permintaan Ma-
lam Minggu, 9.00—Bangsawan Di Udara
(SU), 9.30—Usaha Jaya, 9.45—Senan-
dung Malam.

HARI AHAD 18 SEPTEMBER

PAGI: 6.15—Takbir Raya Aidiladha, 7.00—
Siaran Langsung Sembahyang Hari Raya
Haji dari Masjid Serusop, 8.30—Majalah
Radio (SU), 9.00—Taman Mekar, 9.30—

—Kenangan di Tanah Suci, 10.15—Drama
Khas "Warkah", 11.00—Orkes El-Suraya,
11.30—Berbalas Pantun.

TENGAH HARI: 12.00—Tahniah dan Ucap
Selamat, 1.00—Pertandingan Aslirama
1983, Separuh Akhir Siri ke-2.

PETANG: 2.00—Serbanika Hiburan, 2.30—
Pesta Pop Minggu Ini, 3.15—Salam
Dari Tanah Suci, 4.30—Bujang Si Gan-
dam, 5.00—Tetamu Radio, 5.45—Hiburan
Senja.

MALAM: 7.00—Seni Dan Sastra, 8.15—
Hiburan Malam, 8.30—Suara Perajurit,
9.00—Hiburan/Puspasari (SU), 9.30—
Di Buang Sayang.

HARI ISNIN 19 SEPTEMBER

PAGI: 8.30—Menyusur Pendalaman, 9.30—
Pilihan Pendengar, 10.15—Berdendang
Denganku, 10.30—Permintaan Sukaramai,
11.30—Pertanian.

TENGAH HARI: 1.30—Dari Pendengar Un-
tuk Pendengar.

PETANG: 2.00—Lukisan Masyarakat (SU),
2.30—Mari Berpantun, 3.15—Pilihan Ju-
ruhebah, 3.30—Mingguan Pelajar, 4.00—

Dendang Remaja, 4.30—Ruangan Ketani,
4.45—Rampaian Joget, 5.00—Belia Me-
wakili Zamannya, 5.15—Untuk Awda,
5.45—Kuliah Ugama (SU).

MALAM: 7.00—Majalah Sukan (SU), 8.15—
Hiburan Malam, 8.30—Sains Dan Per-
usahaan, 9.00—Lagu-lagu Keroncong, 9.30—
Ku Tujukan Lagu.

HARI SELASA 20 SEPTEMBER

PAGI: 8.30—Suara Perajurit (SU), 9.00—
Dendang Antarabangsa, 9.30—Pilihan
Pendengar, 10.15—Lagu-lagu Berirama
Dangdut, 10.30—Rampaian London, 10.45—
Lagu-lagu Permintaan Kaum Wanita,
11.15—Dari Lembaran Awda, 11.30—
Senandung Seloka.

TENGAH HARI: 1.30—Hiburan Riang
Ria.

PETANG: 2.00—Ku Sampaikan Salam, 3.15—
Gema Silam, 3.30—Usaha Jaya (SU),
4.05—Gema Keroncong/Puspasari, 4.30—
Seni Dan Sastra, 5.00—Varia Peristiwa,
5.15—Untuk Awda, 5.45—Hiburan Senja.
MALAM: 7.00—Ruangan Ketani (SU), 7.15—
Selangan Irama, 8.15—Permintaan Su-
karamai, 9.00—Kugiran Tanahair (SU),
9.30—Bahasa Sekolah-Sekolah.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 Classical music night with
Rory Higgins
8.30 Hello Tomorrow
9.00 Popular Classics
9.30 Classical Music (continued)

Thursday

P.M.

8.00 International Money Pro-
gramme.
8.15 Sixty-Minute Theatre:
"A Private of Lady" by
Janet Howarth
9.30 Country Club — 58.

Fridays/Holidays

A.M.

11.00 A Feature "Sick or Sad"—
a feature in 4 parts on a
guide to depress—part 3.
11.15 Light Music From The
Netherlands — 665.
11.30 Children's half hour

NOON

John Fox Presents — 17/18.
12.00 My Music — 266/267.

P.M.

1.15 Book Club "Cry the Be-
loved Country" by Alan Pa-
ton — 4.10.

8.00 The World of Books.
8.30 Up The Belait River With-
out A Paddle
9.00 Perspective
9.30 A Date with . . . (repeat)

Saturday

P.M.

8.00 Melody Time.
8.30 Strictly Instrumental
8.45 Just A Minute — 273/287.
9.30 Top Of The Pops — 780

Sunday

A.M.

11.00 Our Views: A discussion
programme with chairlady
Hayati Pehin Salleh
11.30 Practical World
11.45 London This Week.
12.00 A Date with . . .

P.M.

12.45 Review of the Week
1.00 Top Of The Pops — 980.
(repeat)
1.30 Close Down.
STUDENT NIGHT

P.M.

8.00 Inter-School Science Quiz
Competition Final — 1983
Lower Secondary — STPRI
vs MMPSSB/Science School.
Beautiful Music — 38/48.
comedy serial set in an En-
glish provincial university —
3/8.

Monday

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five:
"Comic Cuts" by Elizabeth
Troop.
8.45 Profile. "Alan Parson Pro-
ject"
9.30 A Play On Words — 12

Tuesday

POP MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 Just For You
9.00 In Sentimental Mood
9.30 Stereo Pop Special "Graham
Parker" Side 2.

Daily

A.M.

6.30 Allah Peliharakan Sultan.
6.32 Quran and It's translation
6.40 Brunei AM.
7.00 Local News with tide time
and Brunei In History.
7.05 Brunei AM (continued)
11.00 Ladies At Eleven — except
Fridays and Sundays
12.00 Lunch Break — except Fri-
days and Sundays
12.30 News, Weather Forecast,
Sidelines and Brunei In
History.

P.M.

9.30 News.

RTB

Intisari minggu ini

Radio minggu ini:

SIAPA YANG PATUT DIHUBUNGI?

DERINGAN telefon sentiasa berbunyi di bilik-bilik Jabatan Radio Televisyen Brunei, walaupun selepas jam kerja di pejabat-pejabat ataupun pada hari-hari kelepasan awam. Ini adalah disebabkan bahawa jentera penyiaran itu terus berjalan dari jam subuh hingga hampir ke larut malam.

Sebenarnya kita amat gembira sekali memberi layanan ke atas panggilan-panggilan telefon itu, cuma apa yang ingin kita perkatakan di sini untuk pengetahuan semua, bahawa hubungan telefon itu hendaklah dibuat kepada bahagian-bahagian yang berkenaan di Radio Televisyen Brunei, supaya jawapannya dapat diberikan dengan segera oleh bahagian yang berkenaan.

Sewaktu siaran kita (radio) ke udara, ada tiga bahagian penting di belakang penyiaran ini, iaitu Bahagian Rancangan, Bahagian Kejuruteraan dan Bahagian Berita. Oleh itu, orang ramai yang ingin menelefon bagi memastikan sesuatu perkara me-

ngenai siaran kita hendaklah lebih dulu mengetahui bahagian-bahagian itu tadi. Sekiranya pertanyaan mengenai rancangan, sewaktu lepas pejabat, bolehlah menghubungi juruhebah yang bertugas. Dan sekiranya mengenai kerosakan siaran seperti pancaran tidak dapat diterima oleh peti radio masing-masing, pertanyaan bolehlah dibuat kepada Bahagian Kejuruteraan, dan sekiranya pertanyaan mengenai warta berita, bolehlah dibuat panggilan kepada Bilik Berita.

Selama ini kebanyakan para pendengar bila membuat hubungan telefon ke radio, didapati tidak mengikut saluran-saluran ini, kerana itu pertanyaan-pertanyaan tadi tidak dapat diberikan jawapan segera.

Kita ambil misalannya mengenai warta berita. Apabila para pendengar ingin hendak memastikan kandungan warta berita yang sedang ke udara itu, mereka lantas menghubungi pembaca warta berita itu sendiri. Ini adalah saluran yang tidak tepat.

Pembaca warta berita hanyalah bertugas sekadar membaca warta berita itu sahaja. Mereka membaca apa yang tertulis pada lambaran-lambaran berita yang diserahkan kepadanya untuk disiarkan. Mereka tidak berhak untuk mengubah apa-apa juga yang tertulis pada lambaran kertas-kertas berita itu. Dan kakitangan-kakitangan Bahagian Kejuruteraan yang mengawasi siaran itu di sebuah bilik lain juga tidak tahu menahu dengan urusan warta berita itu. Kerana itu bila ada di antara para pendengar membuat hubungan telefon ke radio meminta penjelasan mengenai warta berita itu sudah tentulah pembaca warta berita tadi atau kakitangan kejuruteraan tidak akan dapat memberikan jawapan sebagaimana yang dikehendaki.

Oleh itu ke mana hubungan telefon harus dibuat dalam perkara ini? Jawapannya, kita persilakan para pendengar menghubungi Bilik Berita Radio Televisyen Brunei untuk mendapatkan jawapan mengenai sesuatu yang berkaitan dengan berita.



PENYANYI Jack Jones menghiburkan awda dalam rancangan **JACK JONES SHOW** yang kini sedang disiarkan pada tiap-tiap hari Sabtu jam 7.20 malam.



RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar kembali menemui awda pada minggu ini dengan menampilkan peserta Dayang Haslianah Haslan di alamat 136, Kampung Orang Kaya Besar Imas, Jalan Berakas, Brunei.

Dayang Haslianah akan memilih beberapa buah lagu kegemarannya untuk hiburan para pendengar khususnya. Rancangan ini ke udara pada hari Isnin 19 September jam 1.30 petang.



DAVID Birney dan Michele Lee melangsungkan perkahwinan mereka dalam cerita **ONLY WITH MARRIED MEN**, tayangan gambar Selasa depan jam 10.15 malam

RANCANGAN TELEVISYEN PENDIDIKAN

mulai dari 19 Sept.
hingga 24 Sept. 1983.

ISNIN — 19 SEPT.

PETANG

4.30 **KAP KAP UDANG 958**
(Rancangan Khas "Hari Raya Haji")
Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti **BELON SI MANIS, RANCANGAN KHAS DAN MINUM.**

Rancangan Khas diisikan dengan **TARIAN, NYANYIAN dan DRAMA.**

SELASA — 20 SEPT.

PETANG

4.30 **KAP KAP UDANG 959**
Dalam rancangan hari ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti **MAIN MUK, MAIN BOLA, MINUM, SI MANIS, BELON SI MANIS dan CERMIN SAKTI.**

RABU — 21 SEPT.

4.30

KAP KAP UDANG 960
Dalam rancangan hari ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti **PAK LING, TUNJUK BENDA, MINUM, BUK, BERSENAM, HALAMAN NYANYI dan CERMIN SAKTI.**

KHAMIS — 22 SEPT.

4.30

KAP KAP UDANG 961
Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti **MAIN KUL, GAMBAR DARI KUNY, MINUM, NAIK KUDA, BELAN BELAJAR, BERCERITA dan CERMIN SAKTI.**

SABTU — 24 SEPT.

4.30

KAP KAP UDANG 962
Rancangan kali ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti **BOLA BUK, MAIN KIM, PAK LING, MINUM, BELON SI MANIS dan SEMULA JADI dan CERMIN SAKTI.**

RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

HARI RABU 14 SEPTEMBER

PETANG

- PEMBUKAAN
- AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- SUSUNAN RANCANGAN
- KAP KAP UDANG
- GIGGLESNORT HOTEL
- WOODY WOODPECKER
- BERITA AWAL
- MAMA MALONE
- 321 CONTACT
- AZAN MAGHRIB
- 321 CONTACT

MALAM

- BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- HART TO HART "Haunted Harts"
- AZAN ISYAK
- HART TO HART — Sambungan
- WARTA BERITA
- LIPUTAN NASIONAL
- THREE'S COMPANY
- MAGNUM "The Eighth Part of the Village"
- TAYANGAN GAMBAR: "Three Coins in the Fountain"
- SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 15 SEPTEMBER

PETANG

- PEMBUKAAN
- AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- SUSUNAN RANCANGAN
- KAP KAP UDANG
- SESAME STREET
- BERITA AWAL
- KIMBA THE WHITE LION: "The Wind In The Desert"
- SAFARI TO ADVENTURE: "Crocodiles and Alligators" Kitani akan dibawa ke Uganda, Sungai Nil dan ke Everglades of Florida untuk mendengar dan meninjau kehidupan berbagai jenis buaya.
- AZAN MAGHRIB
- SAFARI TO ADVENTURE — sambungan

MALAM

- BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- VOYAGERS: "Worlds Apart" kali ini Bogg dan Jeffrey bertemu Lawrence of Arabia dan Thomas Alva Edison.
- AZAN ISYAK
- VOYAGERS — sambungan
- WARTA BERITA
- HIDAYAT
- DUNIA MINGGU INI
- REGGIE JACKSON WORLD OF SPORTS
- NINE TO FIVE: THE DEVLIN CONNECTION: "Erica" Erica mempunyai azam berkorban untuk membalas dendam terhadap beberapa orang tertentu. Di antaranya ialah terhadap dua orang lelaki yang dianggapnya bertanggung jawab atas kematian ibunya yang pernah bertugas sebagai seorang pesik.
- SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 16 SEPTEMBER

PETANG

- PEMBUKAAN
